

BISMILLAH

# 10 HARI PERTAMA DHUL HIJJAH

PELAN HARIAN

# 10 hari pertama Dhul Hijjah

## Kelebihan

Dari Ibnu Abbas ﷺ, Rasulullah ﷺ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) telah bersabda: “Tidak ada hari yang amal soleh padanya lebih dikasihi Allah selain dari hari-hari yang sepuluh ini.”

Para sahabat bertanya: Walaupun berjihad di jalan Allah? Rasulullah bersabda: “Walaupun berjihad di jalan Allah, kecuali lelaki yang keluar (berjihad) membawa diri serta hartanya dan tidak kembali lagi selepas itu (syahid).”

[At-Tirmidhi, Ahmad]

## Kelebihan

Diriwayatkan daripada ‘Abd-Allah ibn ‘Umar ﷺ , Rasulullah (ﷺ) bersabda: "Tiada hari-hari yang lebih agung dan disukai oleh Allah untuk beramal soleh selain 10 hari ini. Maka perbanyakkanlah Tahleel ("La ilaaha ill-Allah"), Takbeer ("Allahu Akbar") and Tahmeed ("Alhamdulillah")." [Ahmad]

10 hari ini termasuklah Yaumul Arafah (Hari Arafah), hari dimana Allah menyempurnakan agamaNya. Berpuasa pada hari ini (bagi yang tidak mengerjakan Haji) menghapuskan dosa-dosa pada tahun yang lalu dan tahun yang akan datang.

[Muslim]

# *Amalan 10 hari pertama Dhul Hijjah*

## Haji and Umrah

Salah satu amalan yang paling baik pada 10 hari pertama Dhul Hijjah adalah mengerjakan haji di Tanah Haram. Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه berkata: "Aku mendengar Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم bersabda: "Barangsiapa melaksanakan haji semata-mata kerana Allah, lalu dia tidak menuturkan (perkataan) keji dan tidak melakukan fasiq (keluar dari ketaatan), dia akan kembali kepada keadaannya seperti baru dilahirkan oleh ibunya (bersih daripada dosa)." [Al-Bukhari].

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم bersabda: "Ibadah umrah kepada umrah berikutnya adalah kaffarah (penghapusan dosa) di antara kedua-duanya. Dan haji yang mabrur tiada balasan (bagi pelakunya) melainkan syurga)." [Al-Bukhari dan Muslim]

## Qurban

Menyembelih binatang qurban (adhiyah) disyariatkan pada hari Qurban (10 Dhul Hijjah) dan hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Dhul Hijjah). Ini merupakan sunnah bapa kita Nabi Ibrahim علیه السلام - apabila Allah Yang Maha Terpuji menggantikan anak Nabi Ibrahim علیه السلام, Nabi Ismail علیه السلام yang hendak dikorbankan dengan binatang qurban dari syurga.

Disebut dalam hadis sahih, Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم berkorban dengan dua ekor kibas yang warna putihnya lebih banyak dari warna hitam. Aku melihat beliau meletakkan kaki beliau di atas rusuk kibas tersebut sambil menyebut nama Allah dan bertakbir, lalu beliau menyembelih kedua-duanya dengan tangan beliau sendiri." [Al-Bukhari]

Ini merupakan kewajipan ke atas setiap Muslim dan ia menterjemahkan keindahan ketaatan Nabi Ibrahim علیه السلام apabila akur dengan perintah Allah swt untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail علیه السلام tanpa mempersoalkan perintah Allah swt. Sebaik sahaja Nabi Ismail علیه السلام hendak dikorbankan (ketika pisau telah berada dilehernya) Allah menggantikan dengan kibas dari Jannah dan amalan ketaatan Nabi Ibrahim علیه السلام kepada Allah swt tersebut telah diterima Allah.

# *Amalan 10 hari pertama Dhul Hijjah*

Dari Jundub bin Sufyan ﷺ aku pernah menyaksikan qurban bersama Rasulullah ﷺ. Ketika beliau selesai menunaikan solat (Aidil Adha) bersama para jemaah, lalu beliau melihat kepada ghonam (kambing) yang telah disembelih. Rasulullah ﷺ lantas bersabda, "Barangsiapa yang menyembelih sebelum solat Eid, hendaklah ia mengulanginya. Dan yang belum menyembelih, hendaklah ia menyembelih dengan menyebut "Bismillah"". [Al-Bukhari & Muslim]

## Larangan Memotong Kuku & Rambut bagi yang mengerjakan ibadah Qurban

Dari Ummu Salamah ؓ, sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: Jika telah masuk sepuluh hari pertama bulan Dhul Hijjah dan salah seorang antara kamu ingin menyembelih qurban, janganlah memotong rambut dan kukunya (sehingga selesai qurban)." [Muslim]

## Menunaikan solat Aidil Adha

Adalah disyariatkan untuk seorang Muslim yang tidak mengerjakan haji untuk berusaha untuk menunaikan solat Aidil Adha di mana sahaja ia dikerjakan serta menghadirkan diri ketika khutbah dan mengambil pengajaran daripadanya.

## Melakukan amalan sunnah dan amal kebaikan

Catatan: Senarai semak harian, doa & amalan yang dinyatakan di dalam pelan harian ini adalah contoh amalan-amalan yang dapat dilakukan setiap hari. Ianya tiada kaitan dengan hari Dhul Hijjah tertentu melainkan terdapat hujjah/sandaran hadis/ayat Al-Quran yang dinyatakan.

# 1 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN

(Contoh: Rabu | Julai | 22 )

## Hadis hari ini

Sebaik-baiknya hamba Allah pada hari kiamat adalah Al-Hammadun (orang-orang yang gemar memuji Allah).  
[as-Silsilah as-Sahihah]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Membaca Al Qur'an, membaca atau mendengar terjemahannya dan renungkan maknanya.

Bacalah Al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya. [Muslim]

## Doa hari ini

اَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

Tunjukilah kami jalan yang lurus.

Al-Fatihah [1:6]

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلاً  
مُتَقَبِّلًا

Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang baik, dan amalan yang diterima.

[Ibn Majah]

## Renungan untuk hari ini

*Taraf pembaca Al Qur'an:*

"Al Qur'an datang pada hari kiamat kelak seperti seorang lelaki yang kekuningan tubuhnya lalu dia berkata: Akulah yang menyebabkan engkau bangun malam dan menyebabkan engkau dahaga di siang harimu". [Ahmad]

Daripada Buraidah al-Aslamiy ﷺ bahawa Nabi ﷺ bersabda: Maksudnya: "Akan dipakaikan di kepalanya mahkota dan kedua ibu bapanya akan diberi perhiasan yang tidak boleh dinilai oleh penduduk dunia. Lalu mereka bertanya:

"Mengapa kami diberi perhiasan seperti ini?". Allah swt menjawab" Kerana anak kamu mempelajari al-Quran?". Kemudian dikatakan kepadanya: "Bacalah dan naiklah ke tingkat syurga dan bilik-biliknya." Dia akan terus naik selama dia membaca (ayat Al-Qur'an). [Ahmad]

# 2 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN

## Hadis hari ini

'Abdullah ibn Mas'ud رضي الله عنه berkata bahawa Rasulullah (صلوات الله عليه وآله وسالم عليه) bersabda, "Tidak akan masuk ke neraka bagi orang yang di dalam hatinya iman sebesar biji sawi dan tidak akan masuk ke syurga bagi orang yang di hatinya ada sebesar biji sawi dari perasaan takabbur." [Muslim]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian

Ayat	
Surah	
Juz	

- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Mengambil wudhu' dan melakukan solat dengan ihsaan (kesempurnaan dan yang terbaik).

"Tidaklah seorang Muslim berwudhu' dengan membaguskan wudhu'nya lalu mengerjakan solat, melainkan Allah akan mengampuninya antara solat itu dan solat berikutnya." [Bukhari dan Muslim]

## Doa hari ini

رَبُّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ

Ya Tuhanmu, berilah keampunan dan (berilah) rahmat, Engkau lah pemberi rahmat yang terbaik.

Al-Mu'minun [23:118]

Rasulullah ﷺ bersabda, "Doa Nabi Yunus ketika baginda berdoa di dalam perut ikan paus:

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

"Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau! Maha Suci Engkau! Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang yang menganiaya diri sendiri".

Maka sesungguhnya tidak seorang muslim itu apabila berdoa dengannya untuk sesuatu perkara (masalah) melainkan Allah SWT akan memustajabkan baginya. [At-Tirmidhi]

## Renungan untuk hari ini

Abu Hurairah رضي الله عنه berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, 'Janganlah kalian saling mendengki, saling menipu, saling membenci, saling membelaangi, dan janganlah sebahagian kalian membeli barang yang telah dibeli orang lain. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lain. Ia tidak patut menzalimi, membohongi, dan merendahkannya.'

Taqwa itu di sini (beliau menunjuk dadanya tiga kali). Cukuplah seseorang dikatakan buruk jika sampai menghina saudaranya sesama muslim. Darah, harta dan kehormatan setiap muslim adalah haram bagi muslim yang lain." [Muslim]

# 3 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN


## Hadis hari ini

Safwan ibn 'Assaal al-Muraadi رضي الله عنه meriwayatkan menemui Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم di dalam masjid dan berkata, "Ya Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم, sesungguhnya aku datang untuk menuntut ilmu". Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم menjawab, "Selamat datang bagi orang yang menuntut ilmu. Sesungguhnya para malaikat menghamparkan sayap-sayapnya bagi mereka yang menuntut ilmu, kemudian berkumpul bertumpuk-tumpuk antara satu sama lain, hingga ke langit dunia. Mereka melakukannya kerana cintanya kepada orang yang menuntut ilmu." [Tabarani]


## Solat

## Al Qur'an Amalan harian


SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	



Ayat



Surah



Juz

- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Ucapkan Salam dan perkataan yang baik kepada orang yang kamu temui.

Hani' ibn Yazid رضي الله عنه berkata kepada Rasulullah صلوات الله عليه وآله وسالم, "Wahai Rasulullah, tunjukkanlah padaku suatu amalan yang dapat memasukkanku ke dalam syurga." Beliau bersabda "Di antara sebab mendapatkan keampunan Allah adalah menyebarkan salam dan bertutur kata yang baik." [al-Silsilah al-Sahihah]

## Doa hari ini

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا وَأَنْتَ تَجْعَلُ  
الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

“Ya Allah, tiada yang mudah melainkan apa yang Engkau jadikannya mudah. Engkau yang menjadikan kesedihan itu (lenyap) apabila Engkau hendak jadikannya mudah.” [Ibn Hibban]

اللَّهُمَّ أَلْفُ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ  
الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي  
أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُلُوبِنَا، وَأَرْوَاحِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَثُبِّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ  
الرَّحِيمُ وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنِعْمَتِكَ مُثْنِينَ بِهَا قَابِلِيهَا وَأَتِمَّهَا عَلَيْنَا

“Ya Allah, pertautkanlah di antara hati kami, perbaikilah hubungan di antara kami, tunjukkan kami jalan kedamaian, selamatkan kami dari kegelapan menuju kepada terang, jauhkan kami dari semua keburukan, yang nampak maupun tersembunyi. Berkahilah kami dalam pendengaran kami, penglihatan kami, hati kami, isteri dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, Engkau yang maha penerima taubat dan maha penyayang. Jadikan kami orang-orang yang bersyukur pada nikmat-Mu, pemuji nikmat-Mu, penerima nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami. [Abu Dawud]

## Renungan untuk hari ini

Diriwayatkan daripada Abu Umamah رض, ia berkata,  
Rasulullah صل bersabda, “Aku menjamin rumah di sekitar  
syurga bagi orang-orang yang meninggalkan al-muraah  
(berdebat kerana perasaan sombong) dan rumah di  
tengah-tengah syurga bagi yang tidak suka berdusta,  
walau hanya bergurau; dan rumah di bahagian paling atas  
syurga bagi orang yang baik akhlaknya”.

[Abu Dawud]

# 4 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN


## Hadis hari ini

Abdullah Ibnu Mas'ud ﷺ meriwayatkan Rasulullah (ﷺ) bersabda: "Awaslah kalian dari dosa kecil. Sesungguhnya jika terkumpul pada seseorang, dosa kecil tersebut akan membinasakannya". [Musnad Ahmad]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Sediakan minuman untuk ahli keluarga, sahabat handai dan mereka yang berbuka puasa.

Saad bin Ubada ﷺ bertanya kepada Rasulullah (ﷺ), "Wahai Rasulullah, sedekah apa yang paling utama?" Beliau menjawab, "Memberi air." (Abu Dawud)

## Doa hari ini

اللَّهُمَّ أَخْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلُّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ  
خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ

Ya Allah, jadikan segala urusan kami berakhir dengan baik. Dan lindungi kami dari bencana dunia dan azab akhirat.

[Musnad Ahmad]

### Du'a for forgiveness (Sayyidul Istighfar)

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ  
مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ  
بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tiada Tuhan yang disembah kecuali Engkau, Engkau menciptakanku dan aku hambaMu, dan aku akan setia pada janjiku pada-Mu semampuku, aku berlindung dengan Engkau dari kejahanatan apa jua yang telah aku perbuat, aku mengaku kepada Engkau dengan segala nikmat yang telah Engkau kurniakan ke atasku, dan aku mengaku atas dosa-dosaku, maka ampunilah aku, kerana sesungguhnya tiada yang mengampuni dosa-dosa kesemuanya kecuali Engkau.

"Barangsiapa yang mengucapkannya pada siang hari dan meyakininya, lalu dia mati pada hari itu sebelum waktu petang, maka dia termasuk penghuni syurga. Dan barangsiapa mengucapkannya pada malam hari dalam keadaan meyakininya, lalu dia mati sebelum waktu pagi, maka dia termasuk penghuni syurga." [Al-Bukhari]

## Renungan untuk hari ini

Nabi ﷺ bersabda, "Sesungguhnya dalam kalangan hamba-hamba Allah, adanya golongan yang mereka bukan para nabi atau para syahid. Namun, para nabi dan para syahid cemburu kepada mereka pada hari kiamat disebabkan kedudukan mereka di sisi Allah. "Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Beritahulah kami siapakah mereka?" Jawab Nabi: "Mereka itu golongan yang berkasih sayang kerana Allah (yakni al-Qur'an), tanpa ada hubungan kekeluargaan dan bukan kerana harta yang diidamkan. Demi Allah, sesungguhnya wajah-wajah mereka adalah cahaya, mereka berada atas cahaya. Mereka tidak takut pada saat manusia ketakutan, mereka tidak berdukar ketika manusia berdukar. "Lalu Baginda membaca ayat al-Qur'an, maksudnya: "Ketahuilah sesungguhnya wali-wali Allah tiada ketakutan untuk mereka dan tidak pula mereka berdukar." [Abu Dawud]

# 5 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN


## Hadis hari ini

Abu Hurairah ﷺ berkata, sabda Rasulullah ﷺ  
"Barang siapa menempuh satu jalan (cara) untuk  
mendapatkan ilmu, maka Allah pasti mudahkan  
baginya jalan menuju syurga."  
[Muslim]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Nabi ﷺ bersabda: "Dua amalan yang tidak memelihara akan keduanya seorang hamba Muslim melainkan dia akan masuk syurga (siapa yang memeliharanya akan masuk syurga). Ketahuilah! Keduanya itu mudah, akan tetapi sedikit orang yang mengamalkannya, iaitu mensucikan Allah (bertasbih SubhanAllah) 10 kali, dan memuji-Allah (Alhamdulillah) 10 kali, dan membesar Allah (Allahu Akbar) 10 kali di akhir setiap solat, maka yang demikian itu menjadi 150 kali pada ucapan dan 1500 kali pada timbangan. Kemudian mensucikan Allah (SubhanAllah) 33 kali dan memuji Allah (Alhamdulillah) 33 kali dan membesar Allah (Allahu Akbar) 34 kali ketika hendak tidur, maka yang demikian itu menjadi seratus (100) pada ucapan dan seribu (1000) pada timbangan. [Musnad Ahmad]

## Doa hari ini

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَأَلْحِقْنِي بِالرَّفِيقِ الْأَعْلَى

Ya Allah, ampunilah aku, rahmatilah aku, dan kumpulkan aku bersama ar-rafiq al-a'la (tempat berkumpul para Nabi).

[Al-Bukhari]

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ  
وَاجْعَلْ لِي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْأَخْرِينَ  
وَاجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ

Ya Tuhanku, berikanlah kepadaku ilmu dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang soleh.

Dan jadikanlah aku buah mulut yang baik bagi orang-orang yang datang kemudian. Dan jadikanlah aku termasuk orang yang mewarisi syurga yang penuh kenikmatan.

Al-Shuara [26:83-85]

## Renungan untuk hari ini

Dari Abu Hurairah ﷺ, Rasulullah ﷺ bersabda, “Barangsiapa yang melapangkan satu kesusahan dunia dari seorang mukmin, maka Allah melapangkan darinya satu kesusahan di hari kiamat. Barangsiapa memudahkan (urusan) orang yang kesulitan (dalam masalah hutang), maka Allah Azza wa Jalla memudahkan baginya (dari kesulitan) di dunia dan akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) seorang Muslim, maka Allah akan menutup (aib) nya di dunia dan akhirat”. [Muslim]

Dari Abdullah bin Amru bin Ash ﷺ bahawa ia mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, “Demi Dzat yang jiwa Muhammad ﷺ berada di tangan-Nya, sesungguhnya perumpamaan mukmin itu bagaikan lebah yang selalu memakan yang baik dan mengeluarkan yang baik (madu). Ia hinggap (di ranting) namun tidak membuatnya patah dan rosak.” [as-Silsilah as-Sahihah]

# 6 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN


## Hadis hari ini

Dari Abu Hurairah ﷺ , Rasulullah ﷺ bersabda:  
“Hendaklah kamu berdoa kepada Allah SWT dengan yakin  
akan perkenan doanya, ketahuilah sesungguhnya Allah  
tidak memperkenankan doa orang-orang yang berhati lalai  
dan alpa.” [Al-Tirmidhi]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Mengambil wudhu', membaca doa sebelum tidur dan baring di sebelah kanan.

Rasulullah ﷺ bersabda: “Apabila kamu mahu tidur, ambil wudhu' dahulu seperti kamu mahu sembahyang, kemudian baringlah di sebelah kanan.” [Muslim]

Rasulullah ﷺ bersabda: “Perhiasan-perhiasan di syurga itu sampai dari tubuh seseorang mu'min, sesuai dengan anggota yang dicapai oleh wudhu' yakni sampai di mana air itu menyentuh tubuhnya, sampai di situ pula perhiasan yang akan diperolehnya di syurga.” [Muslim]

## Doa hari ini

يَا حَيُّ يَا قَيْوُمْ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِرُكَ أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ  
وَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ

Wahai Dzat Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri dengan sendiri-Nya, dengan rahmat-Mu aku memohon pertolongan. Perbaikilah urusanku seluruhnya dan jangan Engkau serahkan (nasib) aku kepada diriku walau hanya sekejap mata” [An-Nasa'i, Al-Hakim]

### Doa sebelum tidur

اللَّهُمَّ أَسْلَمْتُ نَفْسِي إِلَيْكَ، وَفَوَّضْتُ أَمْرِي إِلَيْكَ، وَجَهْتُ وَجْهِي إِلَيْكَ، وَأَلْجَأْتُ  
ظَهْرِي إِلَيْكَ رَغْبَةً وَرَهْبَةً إِلَيْكَ لَا مَلْجَأً وَلَا مَنْجَأً إِلَّا إِلَيْكَ، آمَّتْ بِكِتَابِكَ الَّذِي  
أَنْزَلْتَ وَبِتِبْيَكَ الَّذِي أَرْسَلْتَ

Ya Allah ya Tuhanaku, aku berserah diri kepada-Mu, aku serahkan urusanku kepada-Mu, aku hadapkan wajahku kepada-Mu, dan aku berlindung kepada-Mu dalam keadaan harap dan cemas, kerana tidak ada tempat berlindung dan tempat yang aman dari adzab-Mu kecuali dengan berlindung kepada-Mu. Aku beriman kepada kitab-Mu yang telah Engkau turunkan dan aku beriman kepada Nabi-Mu yang telah Engkau utus.

Semasa hendak tidur, berwudhu'lah seperti yang dilakukan untuk solat, kemudian berbaring di sebelah kanan dan baca doa di atas. Jika anda mati pada malam itu, anda akan mati dalam keadaan fitrah (ketika Islam). [Muslim]

## Renungan untuk hari ini

Sabda Rasulullah (ﷺ) maksudnya: "Sesungguhnya amal soleh yang akan menyusul seorang mukmin setelah dia meninggal dunia kelak ialah ilmu yang dia ajarkan dan sebarkan, anak yang soleh yang dia tinggalkan, mushaf Al Qur'an yang dia wariskan, masjid yang dia bangunkan, rumah tempat singgah musafir yang dia dirikan, sungai (saliran) yang dia alirkan, dan sedekah yang dia keluarkan di kala sihat dan masih hidup. Semuanya ini akan menyusul ketika dia meninggal dunia kelak. [Ibnu Majah dan Baihaqi]

# 7 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN

## Hadis hari ini


Dan sesungguhnya jika Allah mencintai suatu kaum pasti Dia menguji mereka. Maka siapa yang redha (terhadapnya) maka baginya keredhaan Allah, dan siapa yang marah (terhadapnya) maka baginya kemurkaan Allah."

[Al-Tirmidhi]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Bersedekah, membantu mereka yang kurang bernasib baik atau menjaga kesejahteraan saudara mara dan jiran.

Barangsiapa menghilangkan satu kesusahan dunia dari seorang mukmin, Allah akan menghilangkan darinya satu kesusahan di hari Kiamat. Dan barangsiapa yang memudahkan kesulitan orang yang dililit hutang, Allah akan memudahkan atasnya di dunia dan akhirat. [Muslim]

## Doa hari ini

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ

Ya Tuhaniku, jadikanlah aku dan anak cucuku orang yang tetap mendirikan solat,  
ya Tuhan kami, perkenanlah doaku.

[Ibrahim 14:40]

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ، وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ،  
وَأَنْ تَغْفِرَ لِي، وَتَزْحَمَنِي، وَإِذَا أَرَدْتَ فِتْنَةً قَوْمٍ فَتَوَفَّنِي غَيْرَ مَفْتُونٍ،  
وَأَسأَلُكَ حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ، وَحُبَّ عَمَلٍ يُقْرِبُنِي إِلَى حُبِّكَ

Ya Allah, sesungguhnya aku mohon kepada-Mu untuk membuat kebaikan dan meninggalkan kemungkaran serta mencintai orang miskin. Dan aku mohon agar Engkau mengampuni aku and mengasihi aku. Dan apabila Engkau hendak menurunkan bala kepada suatu kaum, maka wafatkanlah aku dalam keadaan tidak terkena bala itu. Aku mohon kepada kecintaan-Mu dan mencintai orang yang mencintai-Mu, serta mencintai amalan yang mendekatkanku kepada cinta-Mu. [Al-Tirmidhi]

## Renungan untuk hari ini

Nabi ﷺ bersabda, “Dua perkara tidak disukai oleh anak Adam. (Pertama) maut, sedangkan maut lebih baik daripada fitnah (keburukan) yakni dengan sebab kematian seseorang itu akan terselamat daripada keburukan-keburukan yang merosakkan agamanya. (Kedua) sedikitnya harta tidak disukai oleh anak Adam, sedangkan sedikitnya harta akan mengurangkan hisab pada hari kiamat.” [Musnad Ahmad]

Abu Hurairah رضي الله عنه berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: “Orang beriman yang miskin akan masuk syurga sebelum orang-orang kaya iaitu lebih dulu setengah hari yang sama dengan 500 tahun”. [Al-Tirmidhi]

# 8 Dhul Hijjah

HARI | BULAN | HARIBULAN

## Hadis hari ini


"Tidaklah seorang ketua yang menguruskan urusan-urusan kaum Muslimin, kemudian dia tidak bersungguh-sungguh (dalam memberi layanan) dan tidak menasihati mereka, melainkan dia tidak akan masuk syurga bersama mereka."

[Muslim]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Maafkan seseorang hari ni sebagaimana anda mahu Allah memaafkanmu.

"Barang siapa yang tidak berkasih sayang kepada manusia maka Allah tidak akan berkasih sayang kepadanya, dan barang siapa yang tidak memaafkan maka dia tidak akan dimaafkan." [Ahmad]

## Doa hari ini

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ

Ya Tuhan kami, ampunilah aku dan kedua ibu-bapaku, dan semua orang yang beriman pada hari diadakan perhitungan (hari kiamat).

Ibrahim [14:41]

اللَّهُمَّ زِدْنِي عِلْمًا وَإِيمَانًا وَيَقِinًا

Ya Allah, tingkatkan aku ilmu pengetahuan, iman dan keyakinan. [Ibn Mas'ud]

اللَّهُمَّ انْفَعْنِي بِمَا عَلَمْتَنِي، وَعَلِمْنِي مَا يَنْفَعُنِي  
وَزِدْنِي عِلْمًا

Ya Allah, berilah manfaat kepadaku dengan apa-apa yang Engkau ajarkan kepadaku, dan ajarkanlah aku apa-apa yang bermanfaat bagiku, dan tambahkanlah ilmu kepadaku. [al-Nasa'i]

## Renungan untuk hari ini

(23) Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain-Nya dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang di antara mereka atau kedua-duanya sudah sampai usia tua dalam pemeliharaanmu, maka janganlah sekali-kali kamu mengatakan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka, dan ucapkanlah perkataan yang baik-baik kepada mereka. (24) Dan berbaktilah kepada kedua-duanya dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah, "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencerahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.

[Al Isra' 17:23 - 24]

Daripada Abu Hurairah ﷺ, bahawa Nabi ﷺ besabda: Maksudnya: "Sesungguhnya Allah akan mengangkat darjah bagi seseorang hamba yang soleh di syurga. Maka dia berkata: Wahai Tuhan, dari mana yang aku dapat ini? Allah berfirman: dengan istighfar anak kamu kepadamu." [Ahmad]

# Hari Arafah (9 Dhul Hijjah)

HARI | BULAN | HARIBULAN


## Hadis hari ini

Rasulullah (ﷺ) bersabda: "Tidak ada satu hari yang lebih banyak dibebaskan hamba-Nya daripada api neraka melainkan pada hari Arafah." [Muslim]


## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	


## Al Qur'an Amalan harian



Ayat



Surah



Juz

- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Puasa sunat
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Mengerjakan puasa sunat kecuali bagi yang mengerjakan haji.  
Membaca doa hari Arafah.

Rasulullah (ﷺ) bersabda, "Puasa pada hari tersebut (Hari Arafah) akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang".  
[Muslim]

## Doa hari ini

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ،  
وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا

"Ya Allah, aku memohon perlindungan dari-Mu terhadap ilmu yang tidak bermanfaat, dari hati yang tidak merasa takut akan diri-Mu, dari jiwa yang tidak pernah merasa puas, dan dari doa-doa yang tidak terjawab." [Muslim]

## Doa Hari Arafah

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu." [At-Tirmidhi]

## Renungan untuk hari ini

Nabi Nuh ﷺ berkata kepada anaknya, "Sungguh aku akan menyampaikan wasiat kepadamu. Aku perintahkan dua hal padamu dan aku melarangmu melakukan dua hal. Aku memerintahkanmu untuk mengucapkan dan mengamalkan 'laa ilaaha illAllah. Kerana andaikata tujuh langit dan bumi diletakkan dalam satu sisi timbangan, dan 'la ilaha illAllah' diletakkan di sisi lainnya, tentu 'la ilaha illAllah' lebih berat darinya kerana dengannya segala sesuatu terhubung, kerananya seluruh makhluk diberi rezeki, dan aku melarangmu berbuat syirik dan sompong." [al Adab al Mufrad]

# Hari Raya Aidil Adha

HARI | BULAN | HARIBULAN

## Hadis hari ini


Sesungguhnya Rasulullah ﷺ pernah ditanya, Amal apa yang paling utama? Beliau menjawab, Beriman kepada Allah dan rasul-Nya. Beliau ditanya lagi, Kemudian apa? Beliau menjawab, Jihad di jalan Allah. Beliau ditanya lagi, Kemudian apa lagi? Beliau menjawab, Haji Mabrur.

[Al-Bukhari]

## Solat

SUBUH	SUNAT
ZUHUR	SUNAT
ASAR	SUNAT
MAGHRIB	SUNAT
ISYA'	SUNAT
TAHAJJUD	WITIR
DUHA	

## Al Qur'an Amalan harian



- Ikhlaskan niat hanya kerana Allah swt
- Senyum & beri salam
- Zikir pagi
- Zikir petang
- Beristighfar sekurang-kurangnya 70 kali
- Memberi sedeqah
- Membaca & tadabbur Al Qur'an
- Amalan hari ini
- Baca "La ilaha ill-Allah, Allahu Akbar, Subhanallah, Alhamdulillah"

## Amalan hari ini

Perkara pertama yang kami mulakan pada hari ini, (hari raya) ialah kami solat. Kemudian kami pulang dan menyembelih qurban. Oleh itu, sesiapa yang melaksanakan perkara tersebut maka dia telah melaksanakan sunnah kami. Dan sesiapa telah menyembelih sebelum itu, maka ia adalah daging untuk ahli keluarganya, bukan untuk ibadat qurban sedikit pun.

[Al-Bukhari]

## Amalan yang digalakkan pada Hari Raya Aidil Adha

- Mandi sunat di pagi hari raya.
- Membaca takbir.
- Tidak makan dan minum sebelum mengerjakan solat Aidil Adha.
- Keluar awal dari rumah untuk mengerjakan solat Aidil Adha.
- Mendengar khutbah selepas solat Aidil Adha.
- Mengerjakan ibadah qurban, bagi yang mampu.
- Menuju ke tempat solat Aidil Adha menggunakan jalan yang berbeza sewaktu pergi dan pulang.
- Menyapa orang yang ditemui untuk mengucapkan selamat hari raya dengan ucapan doa:

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ

Semoga Allah menerima (amal) dari kami dan (amal) dari kalian.

## Renungan untuk hari ini

Berqurban dan unsur ketaqwaan:

"Daging (haiwan korban) dan darahnya itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya adalah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia menundukannya untukmu agar kamu mengagungkan Allah atas petunjuk yang Dia berikan kepadamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan."

[Al-Hajj, 22:37]

## *Doa atau pelan Dhul Hijjah saya*

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

# Amalan yang digalakkan untuk 10 hari pertama Dhul Hijjah

Rasulullah (ﷺ) telah bersabda: "Tidak ada hari yang amal soleh padanya lebih dikasihi Allah selain dari hari-hari yang sepuluh ini." [At-Tirmidhi]

## Al Qur'an

- Selalu membaca Al Qur'an
- Mendengar alunan ayat suci Al-Qur'an daripada pelbagai Qari and Qariah
- Menghafal dan mengulangkaji surah-surah yang dihafal
- Membaca atau mendengar terjemahan dan tafsir
- Muhasabah diri dari terjemahan dan maksud ayat-ayat Al-Quran

## Solat

- Mengerjakan solat di awal waktu
- Mengerjakan solat dengan penuh rasa rendah diri dan khusyu'
- Membaca surah-surah yang berlainan di setiap rakaat
- Mengerjakan Solat Sunat Ishraq/Dhuha
- Memanjangkan bacaan dalam solat sunat Tahajjud

## Amalan kebajikan

- Mengeluarkan zakat bagi yang cukup syarat
- Memberikan sumbangan barang yang disukai dan yang berlebihan
- Berbelanja untuk ibu bapa, pasangan, anak-anak, saudara mara, rakan taulan dan mereka yang memerlukan

## Berpuasa

- Berpuasa sekerap yang mampu pada 9 hari pertama terutamanya Hari Isnin, Khamis dan pada 9 Dhul Hijjah (Hari Arafah).  
*Dengan penuh pengharapan "Puasa pada hari tersebut (Hari Arafah) akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang." [Muslim]*
- Qada' puasa bagi puasa yang tertinggal (jika ada).

## Hari Raya Aidil Adha & ibadah qurban

- Tidak memotong kuku dan rambut sehingga selesai penyembelihan binatang qurban
- Mengikuti semua amalan-amalan sunnah Aidil Adha
- Mengerjakan solat Aidil Adha dengan penuh rasa semangat
- Mengerjakan ibadah qurban dengan hati yang ikhlas
- Makan daging qurban dan memberi makan daging qurban kepada orang lain
- Menziarahi saudara mara dan rakan taulan

## Zikir & Doa

- Mempertingkatkan bacaan zikir - Tahhil, Takbir dan Tahmid
- Membaca zikir pagi, petang dan doa-doа mengikut sunnah
- Membaca selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (ﷺ)
- Memperbangakkan doa ketika waktu mustajab doa terutamanya pada Hari Arafah

## Lain-lain amalan

- Sentiasa mengambil peluang untuk melakukan kebaikan
- Menjauhi perbuatan dan kata-kata yang sia-sia
- Menjauhi perbuatan dosa besar dan dosa kecil
- Sentiasa memenuhi masa dengan perkara-perkara yang bermanfaat.

## Hubungan kemasyarakatan

- Memperkuatkkan hubungan dengan saudara-mara
- Menjaga kebajikan jiran tetangga
- Membantu orang yang memerlukan
- Menyertai program-program sukarelawan komuniti



*Semoga Allah menerima segala amalan; dan  
Allah memaafkan sebarang kesilapan yang  
diketahui dan tidak diketahui.*

*Aameen.*

*Rujukan:*

- Al Huda Institute Canada
- Al Huda International and Virtual
- [www.sunnah.com](http://www.sunnah.com)
- [www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my)